

15/07/2002

Artis jayakan One Nation We Care

SEKALI lagi masyarakat artis akan bersatu bagi menayakan acara One Nation We Care - Sepetang Bersama Perdana Menteri yang dijadualkan berlangsung di Stadium Nasional Bukit Jalil pada 27 Julai ini.

Acara yang diadakan untuk meraikan kekukuhan semangat dan kejayaan negara selama ini itu akan menyaksikan barisan artis lama dan baru seperti KRU, Rabbani, Phyne Ballerz, Ezlynn dan Candy Cheah berganding bahu menayakan petang penuh bermakna itu.

Bagi ketua kumpulan trio adik beradik, KRU, Norman Abdul Halim, pemilihan artis dalam menayakan acara istimewa itu adalah suatu penghormatan sekali gus membuktikan masyarakat seni juga berperanan dalam pembangunan negara.

"Kami berterima kasih kepada penaja yang menyenaraikan nama kami menjadi sebahagian daripada acara ini. Kami terharu kerana dapat berada dalam acara ini dan secara tidak langsung menyatakan serta berkongsi perasaan bangga menjadi warga Malaysia.

"Tiada lain yang kami janjikan, selain persembahan terbaik untuk memeriahkan majlis itu," katanya.

Bertemakan Wawasan Masa Depan Dalam Pembangunan Negara, persembahan itu akan berlangsung selama lebih empat jam bermula jam 6 petang. Program itu dijangka mengumpulkan lebih 100,000 penonton.

Antara penaja acara itu termasuk Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) serta Persatuan Insurans Hayat dan Penasihat Kewangan Kebangsaan Malaysia (Namlifa).

Sementara itu, bakat baru, Ezlynn, pula menyifatkan dirinya bertuah kerana terpilih menjadi sebahagian daripada acara persembahan itu, selain dapat menyalurkan tenaga dalam membantu mereka yang memerlukan.

"Ini kali pertama saya terbabit dalam konsert besar. Saya akui kini dalam debaran, lebih-lebih lagi apabila mendapat tahu acara itu turut dihadiri Perdana Menteri. Saya tetap menjanjikan yang terbaik.

"Difahamkan selain berhibur, acara ini juga diadakan untuk amal. Saya berbesar hati kerana terpilih sebagai antara artis yang akan terbabit dalam persembahan itu. Walaupun sumbangan ini kecil namun saya bersyukur kerana dapat membantu acara ini menjadi satu kenyataan," katanya yang bakal muncul dengan album sulung, tidak lama lagi.

Selain berhibur dengan persembahan artis terkenal, tarian kebudayaan dan perbarisan tatu, rakyat juga berpeluang bertemu dan beramah mesra dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Tiket untuk menyaksikan acara itu kini boleh diperolehi di semua gedung Jusco. Tiket juga boleh didapati di pusat beli-belah Mines, Selayang Mall, Sunway Pyramid, Mid-Valley Megamall manakala di Plaza Sungei Wang dan Cheras Leisure Mall akan diedarkan pada 13, 14, 20 dan 21 Julai.

Orang ramai boleh membeli tiket cabutan bertuah dengan harga RM2 di mana kutipannya akan disalurkan untuk kebajikan. Hadiah istimewa yang ditawarkan termasuk sebuah kondominium di Bukit Jalil dan dua buah kereta.

Mereka juga boleh memiliki cakera padat lagu tema acara itu, Satu Bangsa Kasih Semua yang akan dijual di stadium berkenaan pada harga RM2.